FWD insurance BSN

Celebrate living™
fwd.com.my

i-Med

Perlindungan Perubatan yang Penting bagi Anda

FWD Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi FWD Insurance Berhad atau PIDM (layari **www.pidm.gov.my**).

Hubungi Talian Khidmat Pelanggan kami: 1300 22 6262

i-Med

Perlindungan Perubatan yang Penting bagi Anda

Perlindungan yang terbaik adalah perlindungan yang sentiasa boleh diharapkan dan tidak rumit. i-Med memastikan bahawa setiap orang layak mendapat perlindungan perubatan yang sewajarnya dan mudah didapati.

Apakah jumlah perlindungan perubatan yang saya perlukan? Berikut adalah panduan mengenai kos perubatan untuk jenis rawatan yang berbeza.

Jenis Rawatan	Hospital Awam (RM)	Hospital Swasta (RM)
Penggantian Pinggul	8,000 – 15,000	24,000 – 55,000
Kemoterapi	200 setiap rawatan	50 – 4,000 setiap kitaran
Strok	4,000 and above	35,000 – 75,000
Batu Karang	3,000 – 10,000	9,000 – 40,000

Perhatian: Harga ini mungkin berbeza bergantung kepada penyedia penjagaan kesihatan yang berlainan serta keparahan keadaan perubatan. Kos tambahan tertentu mungkin dikenakan seperti untuk pra-pembedahan, pemeriksaan kesihatan, keperluan perubatan, serta pilihan peribadi.

https://ringgitplus.com/en/blog/Insurance/Government-and-Private-Hospitals-in-Malaysia-How-Much-Do-They-Really-Cost.html(2018)*

*Artikel ini ditulis dalam Bahasa Inggeris dan diterjemah ke Bahasa Melayu.

Biarkan i-Med menyelesaikan kos perubatan anda!

Soalan-Soalan Lazim

S: Apakah i-Med dan bagaimana saya boleh membeli pelan ini?

J: i-Med adalah pelan insurans perubatan tanpa penyertaan dan boleh diperbaharui setiap tahun yang menawarkan perlindungan perubatan dengan kemasukan ke hospital. Ia merupakan pelan perlindungan yang tidak mengandungi apa-apa unsur simpanan atau pelaburan.

Anda boleh membeli i-Med secara langsung dari FWD Insurance Berhad dengan mengunjungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan FWD Insurance Berhad atau mana-mana cawangan FWD Insurance Berhad di seluruh negara tanpa melalui sebarang perantaraan. Anda juga boleh meninggalkan maklumat anda di fwd.com.my/medical-insurance/i-med supaya kami dapat menghubungi anda.

S: Adakah saya layak memohon pelan ini?

J: Jika anda berumur antara 18 dan 45 tahun, anda layak memohon untuk pelan ini.

S: Berapakah jumlah yang boleh saya pilih untuk melindungi diri saya dan berapakah tempoh perlindungan untuk pelan ini?

J: i-Med boleh diperbaharui setiap tahun sehingga berumur 70 tahun. Anda boleh memilih daripada 2 pelan di bawah yang mempunyai jumlah perlindungan berbeza bersesuaian dengan keperluan anda.

Manfaat	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)
A) Manfaat Hospital		
Bilik Penginapan Harian (maksimum 200 hari bagi setiap ketidakupayaan)	**150**	**250**
Unit Penjagaan Rapi (maksimum 100 hari bagi setiap ketidakupayaan)	Seperti yang Dicaj (Bayaran Munasabah dan Lazim)	
Bekalan & Perkhidmatan Hospital		
B) Manfaat Pembedahan		
Bayaran Pembedahan	Seperti yang Dicaj (Bayaran Munasabah dan Lazim)	
Bayaran Pembiusan		
Bilik Pembedahan		
C) Manfaat Rawatan Perubatan (Bukan Pembedahan)		
Lawatan Harian Doktor di Hospital (2 lawatan setiap hari)	Seperti yang Dicaj (Bayaran Munasabah dan Lazim)	
D) Manfaat Pesakit Luar		
Manfaat Pembedahan Harian & Manfaat Penjagaan Harian	Seperti yang Dicaj (Bayaran Munasabah dan Lazim)	
Bayaran Ambulans		
E) Dialisis Buah Pinggang & Rawatan Kanser Pesakit Luar		
Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar	Seperti yang Dicaj (Bayaran Munasabah dan Lazim)	
Rawatan Kanser Pesakit Luar		

Manfaat	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)
F) Manfaat Lain		
Cukai Perkhidmatan Hospital	Seperti yang Dicaj (Bayaran Munasabah dan Lazim)	
Had Tahunan Keseluruhan	**60,000**	**90,000**
Had Seumur Hidup Keseluruhan	**Tiada Had**	

Sila maklum, sekiranya anda seorang pelajar, suri rumah, pesara atau penganggur, anda hanya layak mendaftar untuk Pelan 1 sahaja.

S: Berapa lamakah perlu saya membayar premium?

J: i-Med boleh diperbaharui secara automatik setiap tahun sehingga umur 70 tahun mengikut kadar premium pada waktu pembaharuan. Kadar premium adalah berbeza bergantung pada umur dan jenis pekerjaan anda. Anda boleh menyemak kadar premium daripada Jadual Kadar Premium Tahunan, ataupun anda boleh mendapatkan rujukan pantas mengenai jumlah premium yang perlu dibayar untuk pelan yang anda minat di fwd.com.my/medical-insurance/i-med.

Kadar Premium Tahunan

Umur Semasa	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)
18 – 25	502.00	709.00
26 – 30	523.00	738.00
31 – 35	573.00	814.00
36 – 40	659.00	942.00
41 – 45	746.00	1,069.00
46 – 50*	1,035.00	1,497.00
51 – 55*	1,387.00	2,015.00
56 – 60*	1,836.00	2,678.00

*Untuk pembaharuan sahaja

Kadar Premium Tahunan

Umur Semasa	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)
61*	2,019.60	2,945.80
62*	2,221.50	3,240.30
63*	2,443.60	3,564.30
64*	2,558.00	3,745.00
65*	2,558.00	3,745.00
66*	2,813.80	4,119.50
67*	3,095.10	4,531.40
68*	3,404.60	4,984.50
69*	3,553.00	5,212.00
70*	3,553.00	5,212.00

*Untuk pembaharuan sahaja

S: Bagaimanakah saya boleh melakukan tuntutan?

J: Hubungi kami di 1 300 22 6262 atau layari fwd.com.my/insurance/claims untuk mengetahui langkah-langkah membuat tuntutan. Bagi mempercepatkan pembayaran wang polisi dalam melakukan tuntutan, sila muat turun dan lengkapkan Borang Pencalonan di laman web kami di fwd.com.my/insurance/forms.

S: Apakah pengecualian di bawah pelan ini?

J: Anda tidak akan dilindungi untuk Caj yang dikenakan untuk Kemasukan ke Hospital yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana risiko, keadaan perubatan atau situasi berikut:

a. Penyakit Tertentu dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari dari Tarikh Permulaan Risiko; atau

b. Mana-mana Ketidakupayaan (kecuali Kecederaan) dan tanda atau gejala yang muncul dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari Tarikh Permulaan Risiko; atau

c. Kecederaan yang disengajakan atau membunuh diri atau percubaan untuk membunuh diri, sama ada ketika waras atau tidak waras; atau

d. Kecederaan atau Kemasukan ke Hospital akibat penyalahgunaan dadah, gangguan ketagihan daripada penyalahgunaan bahan atau semasa di bawah pengaruh alkohol; atau

e. Penyakit Sedia Ada; atau

f. Pembedahan plastik atau kosmetik dan rawatan berkaitan; atau

g. HIV, AIDS atau penyakit berkaitan AIDS; atau

h. Gangguan/Penyakit Kongenital atau kecacatan termasuk mengikut keturunan dan keadaan perkembangan; atau

i. Kehamilan atau keadaan berkaitan kehamilan termasuk melahirkan anak (sama ada melalui pembedahan atau sebaliknya), kerumitan yang timbul daripada kehamilan seperti keguguran, pengguguran, penjagaan sebelum atau selepas bersalin, kaedah kontraseptif untuk kawalan kelahiran, rawatan ketidaksuburan dan kerumitannya.

Pengecualian yang dinyatakan di atas adalah tidak lengkap. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada kontrak polisi.

Nota Penting

Anda harus memastikan anda telah berpuas hati bahawa pelan ini paling sesuai dengan keperluan anda dan bahawa premium yang perlu dibayar adalah jumlah yang anda mampu bayar.

Anda diberi tempoh tangguh 31 hari dari tarikh akhir untuk melakukan bayaran premium anda. Premium yang tidak dibayar mungkin menyebabkan perlindungan ditamatkan.

Tempoh percubaan selama 15 hari diberikan untuk anda menyemak kesesuaian pelan selepas anda menerima kontrak polisi. Jika anda memulangkan kontrak polisi kepada Syarikat dalam tempoh ini, semua premium yang dibayar akan dikembalikan kepada anda, tanpa faedah, dan kontrak polisi akan dianggap tidak sah dari permulaannya.

Kadar premium tidak dijamin. Kami akan memaklumkan anda mengenai perubahan dalam kadar premium dengan memberikan anda notis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari terlebih dahulu.

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara risalah Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina, versi Bahasa Inggeris ini akan digunapakai.

Risalah ini adalah untuk maklumat umum sahaja. Ia bukan suatu kontrak insurans. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada Helaian Pendedahan Produk, Buku Pendidikan Pengguna mengenai IPK dan contoh dokumen polisi untuk ciri-ciri penting dan manfaat terperinci pelan sebelum membeli pelan.

Premium yang dibayar untuk pelan ini mungkin layak mendapat pelepasan cukai, tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.

FWD insurance BSN

Celebrate living™
fwd.com.my

Untuk maklumat lanjut

Sembang secara langsung dengan kami di fwd.com.my atau e-mel ask@fwd.com

Talian Khidmat Pelanggan

1 300 22 6262

Waktu operasi:
Isnin hingga **Khamis,**
8:30 AM – 5:30 PM;
Jumaat, 8:30 AM – 4:30 PM
(kecuali cuti umum)

Mengenai FWD Insurance Berhad

FWD Insurance Berhad ("FWD Insurance") ialah pengendali insurans di Malaysia yang menyediakan rangkaian produk insurans hayat, termasuk perlindungan perubatan dan penyakit kritikal, pelan simpanan, serta pelan berkaitan pelaburan. FWD Insurance dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Untuk maklumat lanjut, sila layari **fwd.com.my**.

FWD Insurance adalah anak syarikat FWD Malaysia Holdings Sdn Bhd ("FWD Malaysia"), yang merupakan sebahagian daripada Kumpulan FWD (1828.HK), sebuah perniagaan insurans hayat dan kesihatan pan-Asia yang berkhidmat kepada 40 juta pelanggan di 10 pasaran. Ditubuhkan pada tahun 2013, syarikat ini beroperasi dalam beberapa pasaran insurans yang paling pesat berkembang di dunia. Kumpulan FWD disenaraikan di Papan Utama Bursa Saham Hong Kong di bawah kod saham 1828.

Mengenai Bank Simpanan Nasional

Bank Simpanan Nasional (BSN) ialah bank pertama dan paling lama beroperasi di Malaysia, memberi tumpuan dalam menggalakkan tabiat menabung dan pelaburan secara aktif di kalangan raykat Malaysia.

FWD Insurance Berhad 199301022976 (277714-A)
Level 21, Mercu 2, No.3 Jalan Bangsar, KL Eco City,
59200 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.